

Negara terpaksa import bahan makanan RM45.4 bilion

# Stok makanan hanya cukup 45 hari

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

[pengarang@utusan.com](mailto:pengarang@utusan.com)

■ KUALA LUMPUR 21 JUN

D I sebalik tindakan rakyat Malaysia membuang 3,000 tan metrik makanan setiap hari, stok bahan makanan terutama beras di negara ini hanya mampu mencukupi untuk tempoh 45 hari sahaja.

Kebimbangan itu disuarakan oleh Ketua Kluster Pertanian dan Makanan, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Dr. Ghizan Salleh yang membangkitkan persoalan apakah akan berlaku sekiranya negara dilanda situasi buruk yang panjang mengakibatkan produktiviti bahan makanan berdasarkan pertanian dan ternakan tidak mampu dikeluarkan.

Menurut beliau, tempoh stok makanan itu amat jauh ketinggalan berbanding negara maju yang memperuntukkan kemampuan sesebuah negara untuk menyimpan bahan makanan untuk tempoh enam bulan.

"Pada masa ini, industri makanan negara kita bersedia dalam situasi biasa yang tidak ada apa-apa berlaku, tanpa ada bencana alam atau sekatan dari negara pengekspor. Namun, kita khuatir situasi itu berlaku, apa kita nak makan selepas 45 hari itu?

"Walau bagaimanapun, keadaan itu masih stabil, tetapi ketabilan itu amat rapuh kerana kita terpaksa bergantung kepada ne-

gara luar untuk mendapatkan bahan makanan, selain dikeluarkan sendiri di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menjadi ahli panel dalam program Advokasi Ilmuwan MPN bersama *Utusan Malaysia* dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, dekat sini hari ini.

Selain beliau, turut menjadi panel dalam diskusi ilmu siri ke-14 bertajuk *Sekuriti Makanan: Sampai Bila?* itu menampilkan Naib Canselor UPM, Prof. Datin Dr. Aini Ideris dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin, manakala Pengacara RTM, Suhaimi Mohamed selaku moderator.

Dalam pada itu, Mad Nasir berkata, kadar sara diri untuk beberapa bahan makanan terpenting di negara ini masih belum mencukupi dan negara terpaksa mengimpor sebanyak RM45.4 bilion.

Katanya, pada masa ini, pengeluaran beras hanya mencakupi 72 peratus, daging lembu (28 peratus), daging kambing (28 peratus) dan sayur-sayuran (33 peratus).

"Dalam pengimportan bahan makanan ini, negara mengalami defisit sebanyak RM18.1 bilion berbanding RM1.1 bilion pada tahun 1990. Jika berlaku krisis makanan seperti tahun 2008 apa akan berlaku sekiranya negara pengeluar tidak boleh mengeks-

## ADVOKASI ILMUWAN

### SEKURITI MAKANAN NEGARA: SAMPAI BILA?



PANEL Program Advokasi Ilmuwan bertajuk: *Sekuriti Makanan Negara: Sampai Bila?*, Aini Ideris (dua dari kiri), Mad Nasir Shamsudin (dua dari kanan), Ghizan Salleh (kanan) dan moderator, Suhaimi Mohamed di Panggung Percubaan, UPM, Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD NOOR MAT AMIN

port bahan makanan itu?

"Berdasarkan kajian, jika sesebuah negara tidak cukup makanan dalam masa empat hari sa-

haja, akan berlaku huru-hara sebagaimana yang telah berlaku di beberapa negara luar," katanya.

Menyokong pendapat sama,

Aini berkata, walaupun bekalan ayam dan telur tidak berlaku kekurangan, malah lebih mencukupi, tetapi negara terpaksa

bergantung 100 peratus mengimpor bahan makanan untuk memberi makan seperti jagung kepada ayam-ayam itu bagi membesar.